

0674

B B046 AAB

MAHKAMAH - FEER R R R R

(I)

KUALA LUMPUR, 8 APRIL (BERNAMA) -- MAHKAMAH TINGGI DI SINI HARI INI MENOLAK PERMOHONAN FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW (FEER) DAN PENGARANGNYA UNTUK MENYENARAikan MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN SEBAGAI PIHAK KETIGA DALAM SAMAN MALU YANG DIKEMUKAKAN TERHADAP MEREKA OLEH PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

HAKIM AJAIB SINGH MEMBUAT KEPUTUSAN BAHAWA PERMOHONAN KEDUA-DUA DEFENDAN JELAS MERUPAKAN PERCUBAAN UNTUK MEMALUKAN PERDANA MENTERI DAN MEMPREJUDIS PERBICARAAN KES.

+PROSEDUR PIHAK KETIGA, SEPERTI YANG CUBA DIGUNAKAN OLEH KEDUA-DUA DEFENDAN MERUPAKAN PENYALAHGUNAAN PROSES MAHKAMAH DAN TIDAK BOLEH DILAYAN, + KATA BELIAU.

HAKIM AJAIB SINGH BERKATA MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN TIDAK BOLEH DISENARAikan SEBAGAI PIHAK KETIGA KERANA TIADA HUBUNGAN ANTARA MEREKA DAN DATUK SERI DR MAHATHIR.

HAKIM ITU, YANG MENDENGAR PERMOHONAN OLEH FEER DAN PENGARANGNYA, DEREK DAVIES, MINGGU LALU, MENANGGÜHKAN KEPUTUSAN SEHINGGA HARI INI.

-- LAGI

1828MST 08 04 88

U 8052 AAB

MAHKAMAH - FEER 2 KUALA LUMPUR R R R R

(I)

MAJALAH ITU DAN ENCIK DAVIES DISAMAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR BERHUBUNG DENGAN SATU RENCANA MENGENAI LIMBANG YANG DISIARKAN DALAM MAJALAH ITU KELUARAN 21 MEI TAHUN LALU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMOHON GANTIRUGI KERANA FITNAH YANG TERKANDUNG DALAM KENYATAAN MEMINTA MAAF DAN PENARIKAN LAPORAN BERHUBUNG DENGAN RENCANA ITU, YANG DISIARKAN OLEH FEER PADA 4 JUN.

HAKIM DATUK AJAIB SINGH BERKATA RENCANA PERTAMA DI BAWAH RUANGAN RISIK MENYEBUT MENGENAI LAWATAN DUA HARI PERDANA MENTERI KE BRUNEI DARUSSALAM PADA MAC TAHUN LALU.

+IA MEMBAYANGKAN BAHAWA TUJUAN UTAMA LAWATAN ITU BUKANLAH UNTUK MEMPERBAIKI HUBUNGAN PENGANGKUTAN DENGAN BRUNEI TETAPI MENURUT MAJALAH ITU, PERKARA UTAMA DALAM AGENDA IALAH CADANGAN HENDAK MENJUAL LIMBANG, DI BAHAGIAN KELIMA SARAWAK, KEPADA BRUNEI DENGAN HARGA PERMULAAN AS\$6,000 JUTA,+ KATANYA.

RENCANA KEDUA, KATA HAKIM, IALAH PENARIKAN LAPORAN DAN MEMINTA MAAF. IA MENARIK BALIK LAPORAN AWALNYA DAN MEMINTA MAAF DENGAN IKLAS DAN BERKATA LAPORAN AWAL ITU DISIARKAN DENGAN NIAT BAIK DARIPADA SUMBER-SUMBER YANG PADA MASA LALU TERBUKTI SEBAGAI BOLEH DIPERCAYAI.

-- LAGI

1855MST 08 04 88

B 8062 AAB

MAHKAMAH - FEER 3 KUALA LUMPUR R R R R

(I)

MENGENAI PERMOHONAN UNTUK MENYENARAIKAN MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN SEBAGAI PIHAK KETIGA, HAKIM DATUK AJAIB SINGH BERKATA DEFENDAN BERHUKUM BAHAWA JIKA KEPUTUSAN TERHADAP KES SAMAN ITU MEMIHAK KEPADA PERDANA MENTERI DAN MEMBERINYA GANTIRUGI, MEREKA MAHU SUMBANGAN ATAU TANGGUNG RUGI DARIPADA KEDUA-DUA MEREKA.

HAKIM BERKATA MEREKA MENDAKWA BAHAWA INI KERANA KEDUA-DUA PENERBITAN (KEDUA-DUA RENCANA) DILEPASKAN UNTUK PENGEDARAN DENGAN KEBENARAN DAN PERSETUJUAN MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN DAN/ATAU DISEBABKAN OLEH TINDAKAN CUAI PARA PEGAWAI MEREKA.

HAKIM DATUK AJAIB SINGH BERKATA PEGUAM BAGI DEFENDAN, ENCIK MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH, MERUJUK KEPADA SEKSYEN 9 AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN DAN BERHUKUM BAHAWA PEGAWAI KANAN YANG DIBERI KUASA TELAH CUAI DAN MENGABAIKAN TANGGUNGJAWABNYA KERANA TIDAK MENYIASAT KEDUA-DUA RENCANA UNTUK MEMASTIKAN IA TIDAK BERBAU FITNAH.

ENCIK MUHAMMAD SHAFEE BERHUKUM BAHAWA MENGIKUT AKTA ITU, PEGAWAI KANAN BERKENAAN BUKAN SAHAJA BERKUASA MENYEKAT PENGEDARAN RENCANA ATAU MEMOTONG BAHAGIAN-BAHAGIAN BERKAITAN TETAPI BERTANGGUNGJAWAB MENYIASAT SAMA ADA RENCANA-RENCANA ITU MELANGGAR MANA-MANA UNDANG-UNDANG TERMASUK UNDANG-UNDANG FITNAH.

+SAYA TIDAK BERSETUJU DENGAN HUKUM ENCIK MUHAMMAD SHAFEE. MENURUT PANDANGAN SAYA, INTEPRETASINYA MENGENAI SEKSYEN 9, MENGELIRUKAN DAN TIDAK BOLEH DIPAKAI,+ KATA HAKIM. -- LAGI

1925MST 08 04 88

D714

B 8066 AAB
MAHKAMAH - FEER 4 KUALA LUMPUR
(I)

BELIAU BERKATA BUKANLAH MENJADI TANGGUNGJAWAB MANA-MANA PEGAWAI KANAN UNTUK MENYIASAT RENCANA YANG TIDAK NAMPAK MELANGGAR SEKSYEN 9 AKTA ITU DAN TIDAK MELANGGAR MANA-MANA UNDANG-UNDANG. TIADA APA-APA DALAM KEDUA-DUA RENCANA YANG DIMUATKAN DALAM MAJALAH ITU YANG MENUNJUKKAN BAHAWA KANDUNGANNYA MELANGGAR SEKSYEN 9.

+SESIAPA SAHAJA YANG MEMBACA RENCANA-RENCANA INI MUNGKIN BERFIKIR BAHAWA KANDUNGANNYA BENAR. DAN JIKA KANDUNGANNYA TIDAK BENAR DAN FITNAH, MAKA TERSERAHLAH KEPADA ORANG YANG TERSINGGUNG ITU MENGAMBIL TINDAKAN YANG DIFIKIRKANNYA PATUT UNTUK MEMBUKTIKAN KEBENARAN, SEPERTI YANG DILAKUKAN OLEH PERDANA MENTERI DENGAN MENGEMUKAKAN SAMAN MALU TERHADAP FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW DAN PENGARANGNYA,+ KATANYA.

ATAS SEBAB-SEBAB INILAH JUGA, HAKIM DATUK AJAIB SINGH BERKATA, TIDAKLAH DAPAT DIKATAKAN BAHAWA MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN MERESTUI PENERBITAN ITU AKIBAT KECUAIAN PARA PEGAWAI MEREKA.

SEBALIKNYA, KATA BELIAU, JIKA PENERBITAN ITU MELANGGAR SEKSYEN 9, MAKA PAGAWAI KANAN BERKENAAN TIDAK PERLU MENYELIDIK ATAU MENYIASAT PERKARA ITU KERANA BELIAU DIBERI KUASA, MENGIKUT SEKSYEN ITU, UNTUK MENYEKAT PENERBITAN ITU DARIPADA DIEDARKAN ATAU MEMOTONG BAHAGIAN-BAHAGIAN YANG TIDAK DISUKAI.

SEKSYEN 9 AKTA ITU BERTUJUAN MELARANG PENGIMPORAN PENERBITAN-PENERBITAN YANG TIDAK DIINGINI KE NEGARA INI. -- LAGI
1949MST 08 04 88

D717

B 8068 AAB
MAHKAMAH - FEER 5 KUALA LUMPUR
(I)

HAKIM DATUK AJAIB SINGH KEMUDIAN MEMBENARKAN DEFENDAN MENGEMUKAKAN RAYUAN KEPADA MAHKAMAH AGUNG.

PADA 14 APRIL, BELIAU AKAN MENDENGAR PERMOHONAN PERDANA MENTERI SUPAYA DEFENDAN MENYEBUT NAMA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER YANG MEREKA MENDAKWA PADA MASA-MASA LALU SEBAGAI BOLEH DIPERCAYAI.

DALAM SAMAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR, ANTARA LAIN, MENDAKWA BAHAWA PERKATAAN-PERKATAAN ITU DALAM RENCANA TERSEBUT YANG MENYENTUHNYA DENGAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI, MENGIKUT MAKNA YANG LAZIM DIFAHAMI, MEMBAWA MAKSUD YANG BELIAU TERLIBAT DALAM PERCUBAAN YANG BERCANGGAH DENGAN PERLEMBAGAAN UNTUK MENJUAL KEPADA BRUNEI SEBAHAGIAN DARIPADA WILAYAH SARAWAK YANG MERUPAKAN KOMPONEN MALAYSIA.

BELIAU BERKATA AKIBAT PENERBITAN PERKATAAN-PERKATAAN ITU, NAMA BAIKNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI TELAH TERCEMAR DAN MENDEDAHKANNYA KEPADA PENGHINAAN DAN FITNAH.

FEER DAN PENGARANGNYA, DALAM KENYHATAAN MEMBELA DIRI, MENAFIKAN YANG RENCANA ITU MEMBAWA MAKSUD UNTUK MEMFITNAH PERDANA MENTERI.

MEREKA BERKATA JIKA PERKATAAN-PERKATAAN ITU BERBAU FITNAH, IA DISIARKAN DENGAN HAK ISTIMEWA KERANA DATUK SERI DR MAHATHIR IALAH SEORANG TOKOH YANG BUKAN SAHAJA DIKENALI DI MALAYSIA BAHKAN DUNIA.

-- BERNAMA

1955MST 08 04 88